

30 AUG 2002

Mahathir-Perutusan

DR MAHATHIR AJAK RAKYAT MALAYSIA PERBAHARUI AZAM PERTAHANAN KEBEBASAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak seluruh rakyat Malaysia supaya menyambut Hari Kebangsaan ke-45 esok dengan memperbaharui azam untuk mempertahankan kebebasan, bekerja keras dan menyumbang kepada keamanan, kemajuan dan ketahanan negara.

Perdana Menteri berkata sambutan Hari Kebangsaan pada setiap tahun sebenarnya bertujuan menginsaf dan memperingatkan diri rakyat betapa bernasib baiknya mereka sebagai bangsa yang merdeka dan bebas untuk mentadbir serta membangun negara.

"Yang jelas kita tidak selamat semata-mata kerana kita sudah merdeka. Bahaya penjajahan masih mengancam kita.

"Jika kita tidak berhati-hati, jika kita tidak menghargai kemerdekaan kita, jika kita benar diri kita dihasut oleh mereka sehingga sanggup cuba menjatuhkan pemerintahan negara kita, jangan sesal jika kita dijajah semula," kata Dr Mahathir dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan yang disiarkan oleh radio dan televisyen.

Beliau berkata banyak negara yang mencapai kemerdekaan seperti Malaysia tetapi sudah tidak bebas lagi kerana segala urusan serta dasar negara ditentukan oleh kuasa-kuasa asing, dan pemerintah menjadi boneka.

Dr Mahathir berkata makna kemerdekaan sudah semakin kurang difahami dan dihargai oleh ramai rakyat negara ini yang dilahirkan di zaman selepas merdeka dan tidak mempunyai pengalaman hidup dijajah dan dihina.

Katanya rakyat Malaysia harus berbangga dengan kemerdekaan bukan untuk bermegah-megah tetapi untuk keselamatan dan kesejahteraan hidup sebagai bangsa Malaysia.

"Kita ingin kemerdekaan kerana kita lebih tahu akan masalah negara kita dan kita lebih sensitif dan lebih bertanggungjawab terhadap penyelesaian masalah kita. Orang asing tidak mungkin memahami kerumitan masalah negara kita yang berbilang kaum ini," katanya.

Perdana Menteri berkata sehingga kini, rakyat Malaysia telah membuktikan kemampuannya mentadbir dan membangun, menyelamatkan dan memelihara keamanan serta mengatasi segala cabaran yang dihadapi negara tanpa bantuan kuasa asing.

Bagi mengekalkan kebebasan dan kejayaan berkenaan, beliau berkata rakyat pelbagai kaum dan agama negara ini mestilah sanggup mengorbankan sedikit kepentingan diri bagi menjalin hubungan baik antara kaum yang menjadi asas keselamatan dan keamanan negara.

"Pengorbanan yang diperlukan daripada kita sedikit sahaja. Kita tidak akan hilang identiti kaum kita. Kita masih Cina, Tamil, Melayu, Kadazan, Iban dan sebagainya. Tetapi kita juga menjadi lebih berbangsa Malaysia, yang membezakan kita daripada bangsa atau kaum negara asal kita," katanya.

Dr Mahathir berkata pengasingan secara sengaja antara kaum-kaum di Malaysia seperti di sekolah, universiti dan institusi pengajian tinggi swasta menyebabkan penuntut mengasingkan diri dan mengakibatkan mereka tidak terdedah kepada adat resam, pantang larang serta budaya kaum lain.

Katanya langkah untuk merapatkan murid sekolah rendah dengan meletak sekolah kebangsaan, Cina dan Tamil dalam satu kampus ditentang puak ekstremis manakala cadangan untuk menggunakan Bahasa Inggeris bagi menguasai ilmu sains dan matematik dikecam kerana kononnya membelakangkan bahasa ibunda Melayu, Cina dan Tamil.

Sambil menegaskan bahawa hasrat kerajaan hanya untuk melengkapkan rakyat berbilang kaum negara ini dengan ilmu sains dan matematik bagi

mbolehkan mereka bersaing dengan bangsa lain, Perdana Menteri meminta isu penggunaan bahasa Inggeris tidak dipolitikkan kerana kepentingan sempit perkauman.

"Jika kita besar-besarkan isu-isu yang kecil, jika kita sengaja salah tafsir dasar dan usaha kerajaan, jika kita politikkan segala-galanya untuk keuntungan yang kecil, janganlah kita harap keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati sehingga kini akan berterusan," katanya.

Mengimbas kembali pengalaman negara menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998 dan kejayaan mengatasinya hasil formula acuannya sendiri, Dr Mahathir berkata setelah hampir empat tahun berlaku, ekonomi negara telah pulih dengan lebih baik daripada negara-negara yang menerima formula dan pinjaman Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Katanya kerana kejayaannya itu, Malaysia terus bebas bersuara, berpendirian sendiri, berkecuali dan dapat menangkis tekanan terhadap negara.

"Kemerdekaan kita adalah kemerdekaan yang sebenarnya dan bukan yang setengah masak yang mana dasar negara ditentukan oleh orang asing," katanya.

Menyifatkan pengalaman berkenaan membuatkan negara amat berhati-hati dengan globalisasi yang dipromosikan oleh kuasa-kuasa asing, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak menolak globalisasi secara total tetapi penyertaan asing yang diterima adalah bersyarat dan mereka tidak boleh bermaharajalela di negara ini.

Katanya jika penglibatan kuasa asing dalam kegiatan ekonomi tidak dikawal, mereka akan menguasai ekonomi dan menyebabkan mereka campur tangan dalam menentukan siapa pemerintah negara serta segala dasar dalam dan luar negara.

"Di waktu itu kita sudah tidak merdeka lagi. Di waktu itu kita sudah dijajah semula," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang diperkatakannya bukan untuk menakutkan rakyat supaya menyokong kerajaan tetapi adalah satu kebenaran bahawa kuasa besar masih berhasrat untuk menakluki negara yang lemah, negara yang bukan sebangsa dengan mereka dan negara yang kaya dengan sumber alam yang boleh dieksploitasi mereka.

Perdana Menteri rakyat Malaysia bertuah kerana segala dasar dan langkah ke arah kejayaan yang lebih besar sudah disediakan.

Katanya hasil usaha dan kerjasama antara rakyat pelbagai kaum serta kerajaan, bandar-bandar berkembang dengan pesat, lengkap dengan segala jenis kemudahan moden, manakala kawasan luar bandar turut mengalami kemajuan.

Sambil mengajak seluruh rakyat merayakan ulang tahun kemerdekaan negara dan berdoa semua rakyat Malaysia selamat dan maju, Perdana Menteri berkata kemerdekaan yang dinikmati hendaklah disayangi, dihargai dan dipelihara.

"Janganlah kita cipta masalah dan isu yang boleh meruntuhkan segala-gala yang kita bangun, Janganlah kita gadai masa depan kita dan generasi yang akan datang kerana taksub dan fanatik dengan perkara yang sebenarnya remeh berbanding dengan segala-gala yang kita dapati, yang kita nikmati di negara tercinta ini," katanya.

-- BERNAMA

HS AHH MAI